

Biar akar umbi Umno tentukan saingan untuk jawatan tertinggi, kata wartawan veteran
Malaysian Insider
June 5, 2013

KUALA LUMPUR, 5 Jun — Ahli akar umbi Umno seharusnya diberikan hak untuk menentukan sama ada jawatan presiden dan timbalan presiden boleh dicabar atau tidak dalam pemilihan parti itu yang perlu diadakan akhir tahun ini kata wartawan veteran, Datuk A Kadir Jasin.

Menurut bekas ketua pengarang kumpulan akhbar milik Umno New Straits Times itu, Umno tidak akan mendapat 88 kerusi Parlimen dalam Pilihan Raya 2013, meningkat berbanding 79 kerusi yang mereka perolehi pada 2008 tanpa sokongan ahli.

“Wajar sangatlah mereka diberikan hak menentukan sama ada mereka mahu Mohd Najib dicabar atau tidak kerana Umno tidak akan memperoleh 88 kerusi keramat itu kalau ahli dan penyokong Umno tidak membulatkan tekad memangkah BN pada 5 Mei lalu,” kata Kadir merujuk kepada Datuk Seri Najib Razak (gambar) dalam tulisan di blognya semalam bertajuk, “Cabar Atau Tidak Biar Ahli Umno Tentukan.”

“Mereka juga perlu diberikan ruang dan peluang menyelami hati sanubari mereka sendiri sama ada mereka mahu Mohd Najib yang lebih rendah pencapaiannya kekal sebagai Presiden (dan seterusnya sebagai Perdana Menteri) setelah mereka menunjukkan pintu keluar kepada (Tun) Abdullah Ahmad Badawi yang menang lebih besar pada 2008,” tambah beliau lagi.

Wartawan veteran itu mengulas perkara ini berdasarkan laporan media mengenai ketetapan Badan Perhubungan Umno Negeri Sembilan agar jawatan presiden dan timbalan presiden Umno tidak ditandingi.

Menurut Kadir lagi, dalam pilihan raya umum ke 13 lalu, orang-orang Melayu dan Umno tidak begitu dititikberatkan berbanding konsep 1 Malaysia Najib yang mengutamakan orang-orang Cina dan India.

“Kalau diperhatikan secara terperinci, denyut jantung orang Melayu dan lambang Umno bukanlah inti pati PRU lalu. Yang menjadi inti patinya adalah 1 Malaysia, batang tubuh Mohd Najib Abdul Razak dan ‘pemujaan’ kepada masyarakat Cina dan India.

“Tetapi setelah pencapaian BN ternyata hambar akibat apa yang Mohd Najib labelkan sebagai tsunami Cina dan BN diselamatkan oleh Umno, seni kata dan irama tiba-tiba berubah. Umno dinobatkan sebagai berjaya dan lebih kuat kerana memenangi 88 kerusi Dewan Rakyat berbanding 79 pada PRU 2008,” katanya.

Kadir turut mempersoalkan sama ada Umno menang besar disebabkan Umno menjaga kepentingan orang-orang Melayu atau orang Melayu menyokong parti itu kerana takut hak dan kedudukan mereka hilang.

“Mereka tentu membaca, melihat dan mendengar bagaimana perdana menteri tidak putus-putus menguar-uarkan penaikan taraf pendidikan Cina dan Tamil, memberi peruntukan tambahan kepada sekolah Cina dan Tamil dan berjumpa berbagai-bagai badan radikal Cina dan India seperti Dong Zong dan elemen Hindraf.

"Apa yang dilihat sebagai tolak ansur yang keterlaluan dengan orang bukan Melayu itu mungkin sedikit sebanyak menimbulkan kebimbangan orang Melayu bahawa kuasa mereka akan lebih tercabar sekiranya MCA, Gerakan dan MIC menang besar. Tetapi yang paling menakutkan majoriti orang Melayu adalah kemungkinan kemenangan Pakatan Rakyat (PR) dan kemunculan DAP sebagai pemain dominan politik nasional," katanya.

Pilihan Raya 2013 menyaksikan BN sekali lagi berjaya meneruskan penguasaan mereka di Putrajaya.

Walau bagaimanapun, gabungan 13 parti itu gagal untuk merampas kembali majoriti tradisi dua pertiga di Parlimen yang mereka hilang pada 2008 apabila hanya mendapat 133 kerusi berbanding PR 89.

BN juga buat pertama kali semenjak Pilihan Raya 1969 kehilangan undi popular apabila hanya mendapat 48 peratus daripada keseluruhan undi berbanding PR yang mendapat 51 peratus.

BN turut gagal merampas kembali negeri termaju Selangor dan Pulau Pinang akan tetapi berjaya berkuasa kembali di Kedah.

BN juga berjaya mempertahankan kuasa di Perak yang mereka tewas dalam Pilihan Raya 2008 akan tetapi berkuasa kembali setelah berlakunya pembelotan tiga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) PR.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/biar-akar-umbi-umno-tentukan-saingan-untuk-jawatan-tertinggi-kata-wartawan-veteran/>